

BH (✓) HM () NST () STAR () UM ()

TARIKH: 24 AUG 2023 MUKASURAT: 2

Khamis, 24 Ogos 2023 BH
m/s. 2.

Ramkarpal melepaskan peserta pada Majlis Sambutan Kibar Jalur Gemilang dan Brisk Walk Merdeka di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Syor benar ikat jamin tahanan SOSMA diteliti

Cadangan tambah baik akta akan dibentangkan pada Jemaah Menteri masa terdekat

Putrajaya: Peruntukan membenarkan ikat jamin sementara menunggu perbicaraan selesai bagi tahanan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) antara syor utama yang kini diteliti bagi tujuan penambahbaikan akta itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Ramkarpal Singh ketika ditanya mengenai perkembangan SOSMA berkata, usaha meneliti penambahbaikan akta itu hampir selesai.

Beliau berkata, beberapa sesi libat urus bersama pihak berkepentingan antaranya Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Peguam Negara dan ahli keluarga tahanan SOSMA telah diadakan dan syor yang diterima akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

"Syor menjamin (ikat jamin tahanan) adalah isu yang kami sedang teliti sekarang. Pemansuhan (akta) tiada dalam perancangan, tetapi kami sedang meneliti penambahbaikan," katanya selepas menyertai aktiviti *brisk walk* merdeka anjuran agensi portfolio undang-undang dan reformasi institusi di sini semalam.

Ketika ini, seseorang yang di-

tuduh di bawah SOSMA tidak boleh dijamin kecuali kanak-kanak berusia bawah 18 tahun, seorang wanita atau seorang yang sakit atau uzur tertakluk kepada budi bicara mahkamah.

Elak kegenteran awam

Ramkarpal berkata, semua penambahbaikan SOSMA akan dilaksanakan secara berperingkat.

Februari lalu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Natusion Ismail berkata, Kerajaan Perpaduan tidak berhasrat memansuhkan akta berkenaan, namun akan melaksanakan penambahbaikan.

Menurut Saifuddin, ia disebabkan PDRM masih memerlukan undang-undang berkenaan agar

tindakan segera boleh diambil untuk mengelakkan sebarang kegenteran awam dan ancaman kepada kedaulatan negara dan kesejahteraan rakyat.

Terdahulu dalam ucapannya, Ramkarpal menyeru warga Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) supaya terus memperkukuhkan ikatan persaudaraan dan saling menghormati selaras dengan konsep Malaysia MADANI yang menekankan elemen perpaduan.

Sempena Hari Kebangsaan Ke-66, BHEUU telah menyusun beberapa aktiviti antaranya majlis mengibarkan Jalur Gemilang, ceramah kemerdekaan dan lawatan ke Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka.

BERNAMA